

# Hal Ehwal Tanah Air

## Jikalau Umat Melayu Ingin Sejahtera Hiduplah Sebagai Satu Bangsa.

Sebelum jatuhnya kerajaan Melayu yang teragung di Melaka, umat Melayu berupa satu bangsa iaitu satu bangsa Melayu yang merdeka dan berdaulat penuh, merdeka dalam politik, ekonomi, sosial dan kebudayaannya sendiri. Pada waktu itu, jika tidak khilaf, menurut sejarah tidak pernah yang umat Melayu itu disebut suatu kaum, terutamanya oleh orang-orang besar tanah air. Setelah kerajaan Melayu yang agung itu dapat dikalahkan, maka masyarakat Melayu pun mulai hancur leburlah ia, dijajah oleh imperialisme yang silih berganti itu dalam banyak perkara iaitu seperti negara, bangsa, politik, ekonomi, sosial, pelajaran, kesenian dan kebudayaan Melayu sejati yang disanjung tinggi itu. Dari sejak itulah nampaknya banyak barang-barang saduran nan disogokkan kepada kita umat Melayu, di antaranya ialah: negara kita dirobek-robekkan mereka, politik dan cara berfikir kita diinjak dan ditekan terus, ekonomi kita mereka peras dan dirampas, masyarakat bangsa kita dipecah-pecah kemudian diperintah, matapelajaran pula disadurkan secara perbudakan, sosial dan kebudayaan juga diubah kepada ala Barat, demikianlah diperlakukan seterusnya hampir 600 tahun lamanya sehingga padahnya orang-orang Melayu kita telah banyak yang hidupnya berjiwa ala Eropah itu, sungguh jauh Melayu terbenam dibenamkan oleh kaki-kaki penjajah tersebut.

(oleh: 'Ālimīn)

### Jiwa Merdeka Timbul Kembali:

Sekalipun berabad-abad Melayu dibenamkan jauh ke bawah oleh imperialisme itu, namun jiwa merdeka yang suci luhur itu tidak semuanya dapat dikikis habis dari sanubari putera-puteri bangsa Melayu, benarlah bak sepatah kata pusaka Hang Tuah “Tak Melayu hilang di dunia! . . .” maka itulah setelah menyedari segala pahit getir bangsanya di bawah tapak kasut penjajahan yang sekian lamanya, segolongan dari putera-puteri Melayu yang telah pun pucat kurus itu tetapi berjiwa besar, telah sedikit demi sedikit meletuskan kembali hasrat

dan jiwa luhur itu supaya Melayu pasti merdeka kembali seperti nenek moyangnya dahulu, biar putih tulang – jangan putih mata! . . . . .Nah! Sekarang *al-hamdu lillāh* kita telah merdeka kembali, walaupun dikatakan belum punya nilai yang sebenarnya. Satu Bangsa yang Merdeka: Melihat kepada hasrat dan cita-cita kita pada mulanya itu, bahawa kemerdekaan yang kita perjuangkan ialah kemerdekaan sepenuhnya, tidak sesuku, tidak sebahagian atau pun sekerat sahaja, misalnya: sedikit-sedikit dalam

politik, ekonomi, sosial dan sebagainya, ini tidak mempunyai erti kemerdekaan, yang demikian dapatlah dikatakan: “Merdeka komeng” tak punya isi atau nilai, padahnya hanya kerugian bagi orang yang memilikinya itu. Jikalau kita umat Melayu di Tanah Melayu ini ingin benar-benar kepada kebahagiaan dan kesejahteraan maka hiduplah sebagai satu bangsa yang benar-benar merdeka iaitu merdeka dalam segala lapangan seperti mana bangsa-bangsa lain itu di dunia ini, yang demikian adalah tanggungjawab kita bersama pada memperolehinya. Di sini kita tidaklah kesalkan hanya kepada orang-orang yang pernah menjadi penjajah terhadap kita selama ini, tetapi juga yang amat kita kesalkan itu ialah apa yang dikatakan imperialisme dan semangatnya itu belum pun hapus dari sebahagian hati orang-orang Melayu sendiri, atau tegasnya apakah Melayu mau menjajah bangsanya? . . . .

#### **Orang Melayu dan Ekonominya:**

Sebelum datangnya penjajahan asing ke atas tanah air dan bangsa kita Melayu dahulu itu, walaupun ekonomi orang-orang kita tidak berjalan secara moden seperti sekarang, tetapi adalah tetap ia menguntungkan kepada orang-orang Melayu sendiri, dan setelah penjajah tiba ekonomi kita mereka peras dan rampas serta disusun dengan cara yang menguntungkan penjajah itu pula. Ini menunjukkan dengan nyata bahawa betapa tajamnya kebijaksanaan penjajah itu terhadap kita, sedang segala susunan ini nampaknya masih berjalan terus hingga ke masa ini. Jadi tidaklah mustahil lagi kalau orang-orang Melayu sekarang 80 peratus terus tinggal di dalam penderitaan hidupnya. Buktinya, dapatlah kita lihat sekarang bahawa berjuta-juta

bilangannya orang Melayu diam di kampung-kampung, hidup dalam suasana ekonominya yang terlalu sempit, kesihatannya dan kemudahannya boleh dikatakan tidak terjamin langsung tetapi di bandar-bandar besar di tanah air kita ini, kerana di kota atau di bandar itu dahulunya tempat kediaman para penjajah dengan anak-anak cucunya, maka di sanalah segala alat-alat yang baik diadakan sehingga merupakan laksana “syurga dunia” layaknya! . . . . Selain dari yang hidup secara cemas-cemas di kampung-kampung, banyaklah pula yang menjadi buruh di ladang orang jutawan dengan pendapatan gaji hanya secukup pengisi perut, laksana burung dalam sangkar tuannya. “Makannya bertimbang – minumnya bersukat” mereka juga mengembang-mengembang

Kitab sejarah untuk sekolah-sekolah sudah siap

Sejarah ringkas

Muhammad

*Ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*

Disusun oleh ‘Idrūs. Sejarah

ringkas Junjungan kita Muhammad (SAW) yang perlu diketahui terutamanya oleh murid-murid sekolah.

Tiap-tiap bahagian disudahi dengan pertanyaan-pertanyaan yang boleh mengingatkan murid-murid kepada apa yang telah dibacanya. Bahasanya mudah difaham dan disulam dengan peta dan gambar-gambar yang berkenaan dengan sejarah-sejarah itu. Pertama buku sejarah ringkas yang diterbitkan oleh Qalam untuk sekolah-sekolah.

Senaskah \$1.20

post 10 sen.

sayapnya tetapi hanya di dalam udara yang panas itu jugalah yang mereka dapat. Bangsa Melayu makan nasi berlaukkan belacan sudah pun sejahtera hidupnya pada istilah orang lain, iyakah begitu? . . . selain

dari apa yang disebutkan di sini ada 1001 macam hal lagi yang mengenai nasib umat bangsa Melayu sendiri di negaranya yang telah merdeka mewah dan makmur ini. Selidiklah, fikirkanlah dan menungkanlah oleh orang

Melayu sendiri akan hal masyarakatnya ini.

#### **Kemasukan Modal Asing ke Tanah Air:**

Melihat kepada berita-berita yang tersiar di akhbar-akhbar bahawa kemasukan modal-modal asing ke Tanah Melayu ini nampaknya adalah digalakkan oleh pemerintah kita pada hari ini dan menurut berita-berita itu pula syarat-syarat dan hadnya tiada pula disebutkan nampaknya. Menurut pendapat saya dalam hal yang demikian, adalah mungkin merugikan masyarakat kita sendiri, terutamanya di sisi umat Melayu sendiri. Kerana jika takdirnya nanti setelah 95 peratus segala jenis perusahaan dan perkebunan-perkebunan kepunyaan pemodal asing telah berada di negara kita ini, maka umat Tanah Melayu terutama orang-orang Melayu telah tidak ada tempat lagi hendak maju sama mengadakan perusahaan dan perkebunan baharunya. Penduduk di tanah air kita ini terutamanya bangsa Melayu bukannya tidak ada kebolehan dalam soal tersebut, hanya sanya mereka nampaknya tidak pernah diberi pimpinan dan kesempatan yang baik bagi mereka selama ini, pada masa penjajah berkuasa dahulu, mereka (penjajah) hanya hendak memeras rakyat di sini bukannya hendak memimpin kita. Yang sebaik-baik menjadi pemimpin kita sekarang ialah kerajaan dan pemerintah kita hari ini kerana sesuai dengan cita-cita dan hasrat kita sebagai satu bangsa dan negara yang telah merdeka sekarang ini supaya rakyat seluruhnya merasai nikmatnya merdeka mewah dan makmur abadi. Apakah modal asing itu akan memberikan kemakmuran kepada rakyat seluruhnya? . .

**Bacalah!                      Sudah terbit!**

### **Buku-buku Syuhada Islam**

**Disusun oleh**

**‘Idrūs**

1. Ḥamzah bin ‘Ābd al-Muṭalib	50 sen
2. Nusaybah _ Pahlawan Wanita Islam	50 “
3. ‘Ikramah bin Abū Jahl	50 “
4. Sa‘ad bin Rabī‘	50 “
5. Sa‘ad ibn Mu‘ādh	50 “
6. Nu‘mān ibn Muaqran	50 “
7. Ja‘far ibn Abī Ṭālib	50 “
8. Anak ‘Abd Allah bin Ubay	50 “
9. Anak angkat Rasulullah	50 “
10. Abū Khudhayfah bin ‘Utbah	50 “

### **Lain-lain buku tarikh**

Sejarah Ringkas Muḥammad (SAW) (oleh ‘Idrūs)	\$1.20
Bilāl – (oleh Abdullah Basmeh)	1.20
Muḥammad (SAW) (oleh Abdullah Basmeh) empat penggal	
Sepenggal	\$1.20

Pesanlah kepada penerbitnya:

**Qalam, Singapura**

## Hidupkanlah Modal Bangsa

Pada pendapat saya sebelumnya modal-modal luar itu mencurah sekali lagi ke tanah air kita ini, memang sangat baik jika dapat pemerintah kita hari ini memberikan pimpinan dan keutamaan kepada modal rakyatnya terlebih dahulu, terutama modal bangsa Melayu yang menjadi tuan punya negara ini. Orang Melayu yang berjumlah hampir empat juta jiwa itu harus juga akan dapat sama mengeluarkan modal-modal sendiri dalam beberapa jenis perusahaan dan perkebunan asal sahaja ada yang memelopori dan memimpin untuk dimajukan. Tetapi dengan cara menggalakkan modal-modal luar sahaja sedang modal rakyat dan bangsa sendiri diketepikan adalah suatu langkah yang boleh dikatakan tidak bijaksana sama sekali. Tiap-tiap pemodal asing itu akan mengaut segala keuntungan-keuntungan mereka yang banyak dan dibawa ke tempat-tempat mereka sendiri, sedang kebanyakan rakyat kita hanya menjadi buruh atau alat untuk mengkaya-rayakan orang semata-mata. Pada masa ini sahaja angka bilangan rakyat Tanah Melayu telah lebih dari 6,000,000 orang, dan dalam masa 50 tahun akan datang harus sampai ke angka 16,000,000 orang, kesemuanya itu sangat perlukan pekerjaan, tempat, kesihatan, pelajaran, perusahaan, perkebunan, kemewahan dan kemakmuran. Kesimpulannya, segenap bangsa Melayu terutamanya yang dipilih oleh rakyat untuk duduk di kerusi lembut Majlis Mesyuarat-mesyuarat negeri dan Parlimen, hendaklah benar-benar berkhidmat kepada bangsanya dan tanah airnya yang telah dikatakan merdeka ini kerana bangsa kita hari ini sungguh ingin hidup sebagai satu bangsa di muka dunia ini seperti mana-mana bangsa lain juga hidup!

## **Surat Dari Siam: Kepada Waris Ahmad bin Syukri Guru Madrasah al-‘Arabiyah, Batu Pahat.**

Dengan sedihnya diberitakan bahawa Ustaz Ahmad Syukri (Guru Madrasah al-‘Arabiyah Batu Pahat) telah kembali ke rahmatullah pada 17 Oktober yang lalu di negeri Siam, (Kampung Pulau Pingngwe, Mukim Pak Nam, Changwat Renong), setelah menjelajah negeri Siam dan Burma kerana mencari saudaranya.

Demikian menurut surat Tuan Mohd Noor Mohd,  
– dari Siam – kepada Qalam.

Oleh kerana Allahyarham Ustaz Ahmad Syukri telah meninggalkan sedikit hartabendanya (wang dan kain baju), maka waris Allahyarham itu dipinta berhubung dengan A. Mohd Noor Mohd pada alamatnya seperti berikut:

Mohd Noor Mohd,  
c/o 32, Than Smai,  
Danthamuang, Renang,  
Thailand.

### **Tashih**

**Dalam Qalam bilangan yang lalu, berlaku sedikit ghalit dan dengan ini kita betulkan. Pada muka 27, ruangan pertama, baris 5 dari bawah, yang betulnya: “*sabbihi isma rabbika al-‘alā*”.**

**Pada muka 46, ruangan dua, baris 9 dari bawah, yang betulnya: “kekurangan pegawai yang layak”**